

Bil. 43

Isnin  
11 November 2019



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

#### Sekolah Sukan Malaysia Perlis

Kementerian Pendidikan Malaysia:

- (i) YBhg Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas,  
Ketua Setiausaha
- (ii) YBhg Dato' Dr Rosli bin Mohamed,  
Mantan Ketua Setiausaha (Tempoh perkhidmatan mulai 2010 hingga 2013)
- (iii) YBhg Tan Sri Dr Madinah binti Mohamad, Mantan Ketua Setiausaha (Tempoh perkhidmatan mulai 2013 hingga 2016)

Pegawai-Pegawai Yang Terlibat Dalam Urusan Perlantikan Kontraktor Bagi Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis (Fasa 1) Pada Tahun 2012 dan Kontraktor Penyiap

- (i) YBhg Dato' Abd Shukor bin Ibrahim,  
Pengerusi Lembaga Perolehan Kerja
- (ii) Encik Mohamed bin Murad,  
Timb Ketua Setiausaha Kanan (P) 1
- (iii) YBrs Hj Noor Rahim bin Suleiman,  
Timb Setiausaha Bahagian, Cawangan Teknikal
- (iv) Puan Sharina binti Shaharum,  
Penolong Setiausaha
- (v) Puan Noor Idayu binti Mohd Surol,  
Penolong Setiausaha

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
彭加勒 KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
ISNIN, 11 NOVEMBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]

*- Pengerusi*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

*- Timbalan Pengerusi*

*- Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara Sektor Audit Prestasi]  
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Audit Prestasi Bahagian II, Sektor Audit Prestasi]  
Ir. Haji Othman bin Ibrahim [Pengarah Bahagian Teknikal]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara**

Encik Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Timbalan Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi]  
Puan Carolina Muyang Lileng [Timbalan Pengarah Audit Cawangan Audit Pendidikan, Sektor Audit Prestasi]  
Encik Muhammad Syazwan bin Ramli [Penolong Pengarah Cawangan Audit Pendidikan]

**Kementerian Kewangan (MOF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]  
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

**Jabatan Peguam Negara**

Tuan Abd Aziz bin Engan [Peguam Kanan Persekutuan]  
Puan Maarbalaqish Maaroff [Peguam Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Azian binti Umar [Penolong Ketua Pesuruhjaya]  
Puan Rozi bte Rahman [Penguasa Kanan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**

YBrs. Dr. Maziah binti Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

**SAKSI****Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Mantan Ketua Setiausaha]  
Puan Sharina binti Shaharum [Mantan Penolong Setiausaha]  
Puan Noor Idayu binti Mohd Surol [Mantan Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan]  
Encik Khairul Anwar bin Dahalan [Mantan Penolong Setiausaha Kementerian Dalam Negeri]  
Puan Mazlina binti Ahmad Salleh [Mantan Ketua Penolong Setiausaha]  
Puan Annie @ Sabrina Lasumin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pembangunan, Cawangan Pembangunan Pendidikan)]

samb/-

**SAKSI (samb/-)**

**Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan]  
Encik Zaid bin Zakaria [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian]  
Puan Noramilia binti Mohd Saad [Peguam Kanan Persekutuan Unit Undang-undang]  
Encik Abdul Hafiz bin Razat [Peguam Persekutuan Unit Undang-undang]  
Puan Nor Azian binti Nordin [Setiausaha Bahagian Unit Audit Dalam]  
Puan Rahmah binti Abdul Halim [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan]  
Puan Norrizzan binti Tahir [Timbalan Ketua Unit Audit Dalam]  
Puan Suriati binti Shariff [Timbalan Ketua Unit Audit Dalam]  
Puan Mordiana binti Morni [Juruaudit]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Isnin, 11 November 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.03 pagi

*[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen. Selamat datang juga kepada ex-officio PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat prosiding PAC Parlimen pada hari ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen meneruskan prosiding Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis selepas jawatankuasa ini mengadakan prosiding pertama pada 8 Oktober yang baru lalu. PAC Parlimen akan mengadakan dua prosiding *back-to-back* hari ini iaitu sebelah pagi membabitkan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebelah petang, jam 2.30 petang membabitkan Kementerian Kewangan.

Dalam prosiding pertama pada 8 Oktober yang lalu, jawatankuasa ini telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa ini mengambil maklum dalam prosiding pertama itu bahawa projek ini dilakukan secara tender terhad dan pelantikan kontraktor diputuskan oleh MOF. Walau bagaimanapun, banyak persoalan masih belum terjawab berdasarkan prosiding pertama. Atas sebab itu, jawatankuasa ini memutuskan untuk mengadakan prosiding susulan pada hari ini dengan memanggil pegawai-pegawai KPM dan MOF yang terbabit dalam pelantikan projek itu pada tahun 2012 dan 2015.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, pada pagi ini KPM membawa bekas KSU kementerian iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad, tempoh perkhidmatan mulai tahun 2013 sehingga 2016 yang terbabit dalam pelantikan kontraktor penyelamat pada

tahun 2015. Selain itu, pegawai-pegawai KPM yang terbabit dalam pelantikan kontraktor asal pada 2012 juga ada bersama dalam prosiding pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, saya memohon kepada ex-officio PAC Parlimen untuk memberikan pandangan kepada Jawatankuasa ini berhubung prosiding pada pagi ini sebelum saya menjemput semua saksi masuk ke dalam. Jadinya, ada apa-apa pandangan daripada ex-officio?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Audit Prestasi Bahagian II (Sektor Audit Prestasi) Jabatan Audit Negara]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, setakat ini kita masih kekal dari segi pembentangan kita pada peringkat awal yang dahulu. Cuma, sebagaimana Tuan Pengerusi mengatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu penjelasan khususnya daripada peringkat MOF. Mengapa pada peringkat awalnya untuk *open tender* tetapi telah bertukar menjadi tender terhad selepas mendapat surat cadangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Itu satu.

Keduanya, dari segi proses untuk melantik syarikat untuk kali kedua, memakan masa lebih kurang tiga tahun dua bulan. Jadi itulah, walaupun ada...

**Tuan Pengerusi:** Berapa tahun? Dua tahun? Berapa tahun?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Tiga tahun dua bulan lebih kurang.

**Tuan Pengerusi:** Tiga tahun dua bulan.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya. Jadi ya lah, kita nampak surat-surat ada sebulan ke sebulan, dua bulan, surat antara KPM dengan MOF sebagainya. Akan tetapi kita sebagai rakyat jelata, kita hendak tahu lah mengapa sampai begitu lama proses itu. Selepas itu, seboleh-bolehnya dalam lingkungan enam bulan atau *below one year*. Ini sampai tiga tahun lebih dan campur lagi dengan projek tidak siap sampai sekarang. So, implikasinya kepada tujuan tadilah. Untuk mengadakan sekolah sukan, untuk memperbanyakkan atlet dan sebagainya, sampai enam hingga tujuh tahun dan sebagainya. Itu sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Prestasi) Jabatan Audit Negara]:** Satu lagi Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan alasan daripada MOF yang menyatakan bahawa sekiranya diambil tindakan penamatkan, akan melibatkan implikasi perundangan kepada kerajaan. Jadi, itu kurang jelas dari segi apa yang diterangkan dalam surat-menjurat tetapi itu mungkin boleh dimohon penerangan, apakah tindakan yang MOE belum ambil ketika itu sehingga boleh menyebabkan implikasi perundangan sekiranya ditamatkan.

**Tuan Pengerusi:** Lain-lain? SPRM, ada tidak laporan atau apa-apa mengenai perkara ini?

**Puan Azian binti Umar [Penolong Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Tuan Pengerusi, setakat ini yang kita telah semak berkaitan dengan isu SSM Perlis ini, Bahagian Siasatan masih dalam tindakan untuk meneliti kes ini.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, ada laporan dibuat jugalah?

**Puan Azian binti Umar:** Ya. Ada laporan dibuat juga dan dalam tindakanlah.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Kalau tidak ada apa-apa, bolehlah kita panggil saksi.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

#### ■1110

**Tuan Pengerusi:** Okey, selamat pagi semua, salam sejahtera. Hadir di hadapan PAC Parlimen pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas selaku Ketua Setiausaha ataupun Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Mohamad selaku mantan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2013 hingga 2016 serta pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terlebih dahulu saya hendak ucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Yang Berbahagia Dato' dan Yang Berbahagia Tan Sri kerana hadir di hadapan PAC Parlimen pada hari ini. Secara peribadi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Ghazali kerana memberikan kerjasama penuh kepada PAC Parlimen dengan membawa pegawai-pegawai yang terbabit dalam projek SSM Perlis.

Ini adalah prosiding PAC Parlimen yang kedua membabitkan Sekolah Sukan Malaysia Perlis (SSM). Jawatankuasa ini sudah mendengar keterangan dan penjelasan daripada Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Ghazali pada 8 Oktober yang baru lalu. Untuk pengetahuan semua juga, projek pembinaan SSM Perlis diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pada 6 April 2007 dengan siling peruntukan berjumlah RM76.60 juta. Walau bagaimanapun, projek ini hanya dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, selepas kerajaan melaksanakan perolehan tanah seluas 26.71 hektar di Bukit Chabang, Titi Tinggi, Perlis.

Berdasarkan kontrak asal yang telah dimeterai pada 26 Jun 2013 di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan syarikat bernombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM 205536-U. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 bulan iaitu mulai 1 Februari 2013 hingga 1 Ogos 2014 dan dilanjutkan sehingga 18 November 2014 melalui kelulusan lanjutan masa. Walau bagaimanapun, peratus kemajuan projek pada tarikh sepatutnya

siap pada 18 November 2014 hanya 49 peratus. Projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit melalui Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit dan kontrak ditamatkan pada 14 November 2014.

Pada 11 Januari 2018 pula, KPM atas arahan Kementerian Kewangan telah melantik semula syarikat 205536-U yang juga kontraktor asal untuk menyiapkan projek terbengkalai fasa 1 dengan Setiausaha Bahagian BPP sebagai SO. Jabatan Audit Negara (JAN) dalam rumusannya terhadap pengurusan Projek Pembinaan SSM Perlis berpendapat bahawa projek ini tidak dilaksanakan dengan cekap dan berhemat terutamanya membabitkan pelantikan kontraktor asal selain lantikan semula kontraktor asal sebagai kontraktor penyiap yang menjadi punca utama kegagalan projek ini. Ini menyebabkan objektif projek yang ditetapkan tidak tercapai. Setakat 31 Disember 2018, kemajuan kerja penyiapan projek oleh kontraktor penyiap hanya 4.5 peratus berbanding 36 peratus yang dijadualkan iaitu kelewatan selama 230 hari.

Tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Ghazali bin Abas untuk memulakan penjelasan mengenai isu Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Sekian, terima kasih dan dipersilakan Yang Berbahagia Dato' Dr.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad selaku Pengerusi PAC dan juga Ahli-ahli PAC yang berada di depan kita ini dan juga *backbenches* di belakang itu daripada – guna bahasa Parlimen, daripada Jabatan Audit Negara. Kawan-kawan saya juga, daripada MEA dan lain-lain.

Tuan Pengerusi seperti mana yang diminta oleh PAC, saya patut bawa orang-orang yang berkaitan dengan projek ini pada masa yang lalu. Jadi *long list* juga yang saya nampak itu, saya ikhtiarlah sedapat mungkin untuk hubungi mereka yang patut saya hubungi.

Ada yang kita hubungi melalui JPA bagi mereka yang sudah bersara, ada yang kita hubungi secara *direct* mana yang kita sudah tahu. Jadi hari ini kita bawa bersama, di sebelah kanan saya Tan Sri Dr. Madinah, yang Tuan Pengerusi pun sudah tahu tadi siapa was Tan Sri Dr. Madinah. Selain daripada itu, kita juga ada pegawai-pegawai lain yang mana pada masa itu bertanggungjawab ataupun terlibat sedikit sebanyak dengan perolehan dan pengendalian projek ini. Terutamanya di sebelah kiri saya Puan Sharina, ya. Puan Sharina yang dulu bertugas sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia daripada 3 April 2010 hingga awal tahun 2014. Sekarang bertugas di Kementerian Industri Utama. Dengan sebab dia masih dalam servis, kita boleh carilah.

Kedua, Puan Noor Idayu *next to her*, merupakan Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan KPM daripada 25 Ogos 2008 hingga 15 Januari 2013, kini bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam. Di samping itu, kita juga bawa dua bekas pegawai Unit Projek Khas KPM. Untuk makluman Tuan Pengerusi, di KPM di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan pada masa itu ada unit khas untuk mengendalikan projek-projek tertentu termasuklah projek Sekolah Sukan ini. Jadi kita bawa juga ahli yang terlibat.

Kita korek-korek dalam fail jumpa, so kita juga hari ini. Dua daripadanya ialah Puan Mazlina binti Ahmad Salleh, Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) pada masa itu yang kini bertugas di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Mana dia ya? Okey. Then, Encik Khairul Anwar bin Dahalan, Penolong Setiausaha yang kini bertugas di Kementerian Dalam Negeri. Okey. Jadi, bersama kita juga pegawai-pegawai yang hadir semasa PAC yang lalulah pada 8 Oktober, saya bawa juga, Encik Noor Azman, Setiausaha Bahagian (SUB) Pembangunan yang juga merupakan sepatutnya SO projeklah. Puan Ani...

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pembangunan, Cawangan Pembangunan Pendidikan) Kementerian Pendidikan Malaysia]:**  
Annie.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Ani pula, Annie ya dan Puan Rahmah, KPSU dan juga Encik Zaid, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan. Pengarah Sukan ada kursus besar hari ini. Jadi kita sudah *prep* dengan Timbalan Pengarah Sukan kalaulah ada apa-apa soalan mengenai Sekolah Sukan, dia boleh jawab. Kita ada Puan Nor Azian, Ketua Unit Audit Dalam, as well as Puan Noramilia, Peguam Kanan Persekutuan, Unit Undang-undang KPM. Jadi itu mukadimah saya Tuan Pengerusi, kalau ada apa-apa persoalan tambahan daripada apa yang pernah kita bincang. Jadi saksi-saksi yang saya bawa, harapnya boleh membantu saya menjawab apa-apa soalan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Tan Sri Dr. Madinah semasa projek ini – *I am more concern about* masa pelantikan semula. Masa pelantikan semula syarikat ini, kenapa terdapat kelewatan sehingga tiga tahun dua bulan proses lantikan semula kontraktor tersebut?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Tuan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih, tetapi sebelum saya menjawab itu kalau dibenarkan saya untuk *recap* Tuan Pengerusi. Saya ketika itu Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia daripada Jun 2013 sehingga September 2016. Selepas itu, saya menjawat jawatan sebagai Ketua Audit Negara dan tajuk ini diaudit semasa saya merupakan Ketua Audit Negara dan saya telah bersetuju supaya diaudit.

**■1120**

Soalan Yang Berhormat tanyakan itu, *we had some reservations initially because projek itu dibawa ke pengetahuan saya melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian yang saya mempengerusikan setiap bulan*. Jadi, projek-projek sakit ini akan dibentangkan dan ketika itu, ini merupakan salah satu projek yang *long delayed*. Masalahnya ialah apabila kita melihat kepada projek ini dan kita lihat kepada *non-performance of the contractor*, kita buat keputusan untuk menamatkan kontraktor ini.

Mengikut SOP, kita perlu mengeluarkan tiga kali notis amaran, *what do you called that?* Kemungkaran ya, Encik Noor Azman? *[Disampuk]* Kemungkir, *is it?* Okey, tiga kali. Kita patuh. Selepas itu bila tidak ada apa-apa maklum balas dan perkembangan yang positif yang kita lihat daripada kontraktor, kita keluarkan notis tujuan penamatan sekali dan kita berikan tempoh, tidak silap saya, dua minggu ya untuk mereka respons. Setelah itu, kita keluarkan notis penamatan. *So, semua legalities regarding the procedures were adhered to.*

Selepas itu, kita bincang dengan Yang Berhormat Menteri. Yang Amat Berhormat Menteri ketika itu ialah Tan Sri Muhyiddin. Kita bawa kepada pengetahuan beliau bahawa kita perlu melantik kontraktor penyiap. Yang Amat Berhormat pada ketika itu berpandangan bahawa— ini saya hendak beri sedikit pencerahan mengenai prosedur tender, sama ada tender terbuka ataupun secara tender terhad.

Ketika itu, sebagai Ketua Setiausaha dan juga mungkin sebagai Menteri, kita sudah lihat, terutamanya dalam sebuah kementerian yang begitu besar dan kompleks seperti KPM, *all the successes and failures dalam pembangunan sekolah-sekolah yang kita kendalikan. Meaning, open tender, there are also issues, pros and cons. Selected tender as well.* Akan tetapi, *upon hindsight and on average, the preferred method at that time was through selected tender.* Yang Amat Berhormat Menteri ketika itu sentiasa memberikan penekanan kepada *the least probability of failure which is greater through open tender, unless you have a proper set of prerequisite in place* seperti BQ itu semua kena tepat, betul. Apa-apa yang JKR mandatori yang kita perlu ikuti, semua itu mestilah ada dan disediakan dengan lengkap. *Then, kita boleh buat open tender. Similarly, with tender terhad.*

*Because it is not like open tender ini— through our experience at that time, mereka akan submit kadang-kadang yang tidak munasabah daripada segi harga mungkin dengan anticipation, kalau tidak cukup, VO.* Selepas itu minta kepada kementerian *variation order* yang berpuluhan-puluhan kadang-kadang dan melambatkan lagi projek dan akan meningkatkan lagi kos projek sesebuah sekolah. So, Yang Amat Berhormat Menteri pada ketika itu cenderung kepada *the preferred method of selected tender. I must reiterate here that there is nothing wrong with tender*

terhad, *if everything was done according to or by the book, transparent* dan tidak ada campur tangan daripada peringkat tertinggi.

Saya tidak tahu sama ada pegawai Kementerian Kewangan hadir sama pada pagi ini tetapi saya hendak buat sedikit pendedahan ketika itu, *if I may*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dipersilakan.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** So, Yang Amat Berhormat Menteri pada ketika itu, ada syarikat-syarikat tertentu yang pada pandangan beliau ada kemampuan untuk melaksanakan projek. *So, the names are given but we do not take it at face value because we do the due diligence on each company before we submitted to MoF* untuk memastikan mereka ini tidak ada *track record* yang buruk ataupun *blacklisted*. *So, we checked with the MoF, in the website, with CIDB and JKR* dan sebagainya. So, itu cara yang kami buat di KPM ketika itu.

Namun demikian, apabila cadangan ini dinaikkan kepada Kementerian Kewangan, *most of the time*, apa yang kita cadangkan tidak diambil kira. Akhirnya, *a whole new set of companies will come from MoF, telling KPM, "You must conduct your tender terhad amongst this company"*. Kami pun tidak tahu daripada mana syarikat-syarikat ini ketika itu *and I had voiced my concern to MoF's officer at that time when I meet them, through phone calls, that we would like to know why the companies that were submitted by KPM were totally ignored or set aside. I, of course, did not receive any response*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Tan Sri. Senarai syarikat yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan kepada MoF ketika itu kalau tidak salah saya ada 10 buah syarikat. Macam mana boleh datangnya 10 buah syarikat itu? Adakah ia cadangan daripada sebuah syarikat yang mencadangkan 10 buah syarikat yang lain kah atau macam mana?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Tidak, tidak begitu. Syarikat-syarikat tersebut di SUB (BPP). Ketika itu Dato' Khalid, kalau tidak silap saya. Kenapa kita tidak jemput Dato' Khalid untuk hadir ya, Dato' Dr.?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Kita sudah cuba tetapi tidak dapat.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Tidak dapat. *He would know everything because he is the one who was actually the officer in charge.*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Dia sudah bersara ya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Betul. Saya pun sudah bersara tetapi *I am reachable anytime*.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Akan tetapi tidak dapat.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, ya, faham. *[Ketawa] Mengikut arahan saya, apa-apa syarikat yang kita kemukakan mesti telah melalui – that I told you, the due diligence dan*

mencapai tahap kemampuan dan kita tengok daripada segi *workload* yang ada sama ada projek banyak ataupun satu dua, apa *track record* mereka. *Based on that*, baru kita hantar kepada MoF. *That is the due selection process that we go through. It is not companies submitted, for example, by one particular company and then nine tagged along.* Tidak begitu di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia ketika itu.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tan Sri, Tan Sri telah memberitahu tentang itu proses tender terhad. Pemahaman kita daripada maklumat yang didapati, ada Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan, kemudian ada dalam kenyataan ada KPM. Lembaga Perolehan, kemudian *I think is a probably* pentadbiran KPM dan juga ada MoF. Bagaimana dalam satu tender terhad yang *proper*, yang teratur, yang mengikuti garis panduan? Apakah proses yang sepatutnya?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Okey.

**Tuan Wong Hon Wai:** Sila.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** So, sebagaimana yang saya maklumkan, di peringkat SUB (BPP) akan berbincang dengan JKR, *for example*, untuk mendapatkan syarikat-syarikat yang kita panggil ketika itu berwibawa. Maknanya kita tahu dia tidak ada cacat cela, tidak ada *failures, track record* dia semua bersih, *workload* dia, maknanya tidak ada banyak projek yang dikendalikan pada masa yang sama.

#### ■1130

*So, we will get that* senarai dan senarai itu katalah 10, kita akan angkat kepada MoF untuk kelulusan *because whatever it is*, tender terhad dan sebagainya *we need the green light*. Apabila MOF memberi kelulusan tersebut dan kementerian terima, maka akan diadakan tender terhadnya, prosedur untuk menjalankan tender terhad tetapi akan melalui Lembaga Perolehan apabila telah melalui *due process*. Untuk membuat keputusan, Lembaga Perolehan akan bersidang.

*So, before that, there will be a lot of documentation to prepare the project brief and also the necessary document* untuk laksanakan tender terhad. *So, these companies will be called to submit their proposals and it is supposed to be not in collusion* tetapi *independently submitted based on the project brief*. Apa yang kita perlukan, sekolah di mana dan sebagainya. *All the items will be completed in the project brief* dan mereka akan *submit their bit*. *So, each company will submit their bit* secara berasingan.

**Tuan Wong Hon Wai:** Tan Sri.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya?

**Tuan Wong Hon Wai:** Berdasarkan keterangan Tan Sri, sepatutnya Lembaga Perolehan dan juga KPM memainkan peranan yang lebih aktif dalam pengurusan tender terbuka atau tender terhad.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Wong Hon Wai:** *You have to be actively to manage your tender terhad.*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Yes.

**Tuan Wong Hon Wai:** Akan tetapi berdasarkan kronologi pelantikan kontraktor asal, tetapi – bahawa syarikat yang kemukakan rayuan kepada MOF dan sebagainya, *as if that is a contractor driven...*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, tahun berapa itu?

**Tuan Wong Hon Wai:** Tahun 2011 dan 2012.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya tidak boleh jawab kerana saya bukan KSU ketika itu.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** *I was not the KSU.*

**Tuan Wong Hon Wai:** *Who was the KSU then?*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Datuk Dr. Rosli yang tidak dapat dihubungi.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, kerana keterangan yang didapati bahawa syarikat X yang ini kemukakan rayuan kepada MOF. Syarikat itu kemukakan rayuan, *you know. So, nampaknya satu driven by the contractor instead of* Lembaga Perolehan yang *drive the whole thing* ataupun KPM yang *try to hold* tender terhad.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Mungkin Yang Berhormat.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Kalau saya boleh tambah dengan izin Tuan Pengurus, dari segi *overall contract management*. Tidak kiralah siapa KSU, kita *adhere to the same kitab, same protocol*.

Pertamanya, apabila kita sebut tender terhad. Seperti mana yang Tan Sri sebut tadi, kelulusan daripada MOF kita kena peroleh. *No matter* penender itu datang daripada mana. So, ada dua cara tadi. Satu, datang daripada kementerian dan satu lagi datang daripada MOF. Keputusan muktamad siapa patut kita jemput untuk tender terhad, semuanya di tangan MOF. Itu *point number one*.

*Point number two*, apabila dijemput untuk masuk tender terhad, prosesnya ialah Lembaga Tender. Di situ bermulanya peranan kementerian mengeluarkan tender, dokumen tender itu kita iklankan dan kita sudah tutup, tutup itu ia ada tiga proses, Jawatankuasa Buka Tender,

Jawatankuasa Nilai Teknikal, Jawatankuasa Nilai Harga. Ketiga-tiga itu akan bawa melalui urus setia kepada Lembaga Tender. Lembaga Tender di dalamnya ada ahli yang datang daripada bukan sahaja Kementerian Pendidikan, dua ahli lain setidak-tidaknya iaitu daripada MOF dan juga daripada Kementerian Kerja Raya. Jadi, kementerian menerima arahan daripada Kementerian Kewangan dari segi siapa yang boleh masuk dalam Lembaga Tender.

Okey, now soalan Yang Berhormat tadi kenapa dia boleh merayu ‘ding-dong, ding-dong’. Itulah kontraktor sudah tahu punca kuasanya duduk di MOF. Jadi dia merayuh dengan MOF, dia bukan merayu dengan KPM. Jadi, MOF memberi ruang kepada mereka untuk ada proses rayuan itu dan kita terima apa sahaja *verdict* datang daripada MOF *when comes to* kita hendak *decide* siapa yang selepas kita sudah masuk dalam – Apabila sudah masuk dalam Lembaga Tender barulah MOF tidak boleh campur tangan melainkan melalui Ahli Lembaga Tender. Hal itu boleh membantu menjawab proses.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Siapa sebenarnya Syarikat Bumi Jelapang Construction Sendirian Berhad ini?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Kita pun ada soalan yang sama Yang Berhormat. Apabila kita baca fail, sangat *powerful this particular company* boleh mencadangkan pula dalam fail syarikat-syarikat yang sama-sama boleh masuk untuk buat tender terhad. Saya nampak macam – maaf cakap, kalau ikut rekod diterima oleh MOF. Jadi kita pun tanya, siapalah Bumi Jelapang ini? Kita pun tidak ada rekodlah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud Kementerian Pendidikan tidak ada rekod, tidak tahu, *not aware of* syarikat inilah? Apabila diterima sahaja senarai nama tersebut melalui Syarikat Bumi Jelapang ini, apa tindakan kementerian ketika itu?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Biasanya Yang Berhormat, berdasarkan rekod kita akurlah dengan senarai yang datang daripada MOF. Kalau tidak silap saya, *offer* lah borang itu kepada semua yang dinamakan untuk memasuki tender. Dalam rekod kita, Bumi Jelapang ini dua kali datang surat. Ada surat pertama, lima buah syarikat. Surat Kedua, tujuh buah syarikat. Jadi kita pun tidak pasti yang mana satu yang sahih, yang betul-betul masuk dalam dan dipanggil untuk Jawatankuasa...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya Syarikat Bumi Jelapang ini dia ada bagi surat terus kepada kementerian?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Tidak, kita dapat daripada MOF.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Maknanya ada dua set?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Salinan dua set.

**Tuan Pengerusi:** Satu, lima buah syarikat. Satu, tujuh buah syarikat.

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** *Right.*

**Tuan Pengerusi:** Macam mana boleh terjadi macam itu?

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Itu kita pun hairan. Dalam masa bulan yang sama, tiga minggu beza. Saya baca rekod ini Yang Berhormat. Surat itu tidak ada pada kita. Kita korek melalui proses audit. Oleh kerana surat itu dialamatkan kepada MOF, kita rasa kita juga perlu ada satu salinan untuk kita faham. *But* masih jawapannya kita tidak dapat kenapa syarikat ini begitu istimewa.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Tuan Pengerusi, ada soalan.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey. Terima kasih Yang Berbahagia Dato, Yang Berbahagia Tan Sri. Saya cuba meneliti kronologi yang telah disediakan ini. Saya lihat dari segi proses penamatan kontrak yang pertama itu mengikut garis masa yang sangat sesuai. Maksudnya saya lihat penambahan masa yang diberikan selama 109 hari. Kemudian, *within the range*, memang dikeluarkan Notis Tujuan Penamatan seperti yang diterangkan oleh Tan Sri.

Cuma persoalan saya di dua atau tiga siri ini. Pertama, saya hendak menanyakan sebab apabila sudah tamat sahaja pada penghujung 2014, masuk tahun 2015 saya lihat ada kemahuan daripada KPM untuk menyelesaikan isu ini dengan isu surat yang diutuskan kepada Kementerian Kewangan. Cuma yang saya hendak dapat penjelasan, kenapa tempoh rayuan ataupun perbincangan itu begitu panjang? Iaitu sebagai contoh, adakah Kementerian Pendidikan boleh menetapkan garis masa supaya Kementerian Kewangan ini respons lebih pantas.

Oleh sebab saya lihat surat itu seperti diperam untuk beberapa bulan sebelum Julai 2016, menyatakan bahawa surat KPM untuk membatalkan pelantikan syarikat tersebut ditolak. Jadi, tempoh masa tersebut KPM ini ada kuasa untuk ikat supaya dipercepatkan atau memang *it is open ended, up to the Kementerian Kewangan?*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, semasa saya melihat kepada keadaan *delay*, saya telah menghubungi beberapa pegawai di peringkat Kementerian Kewangan iaitu Pengarah Bahagian Perolehan dan sebagainya. Saya dimaklumkan tetapi saya tidak tahu sama ada benda ini *will be on record but they have difficulties because* dia kata, satu PUU mereka kata, mereka tidak yakin bahawa penamatan syarikat ini dibuat secara wajar dan adil. *Whether they were given all the dues sebelum kita tamatkan.*

*So, to me this is like a delay tactic. Then, I heard that this syarikat is connected to somebody very high up. That is why mereka tidak berani hendak push sangat. Mereka cuba tetapi*

masih tidak boleh kerana ini kena diputuskan di peringkat tertinggi. *Therefore*, apabila sudah naik, tidak turun, tidak boleh *push*. Yang Berhormat, saya sentiasa mendesak MOF ketika itu untuk memberi keputusan *one way or the other*. Setuju atau tidak setuju, tolak. Apa kita hendak buat? Ketika itu pun saya dihubungi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, kata “*Ini is very bad, for me it's very bad because people asking, why this project terbengkalai*” dan sebagainya.

■1140

*So, there was an urgency on the part of Kementerian Pendidikan Malaysia to get this resolved but there was no urgency and purposeful delay on the part of MoF for many reasons* yang saya sebut. Saya bercakap dengan pegawai-pegawai ini dan mereka kata susah kerana di sebalik syarikat ini ada *link* dengan yang tertinggi. So, saya tak nak tanya banyak.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *Link* itu ke arah mana? Politik ataupun bukan politik ataupun pihak mana?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ketika itu saya dimaklumkan, kalau *lawyers* di sini akan kata, “*Tan Sri cakap hearsay*.” Akan tetapi itu yang diberitahu kepada saya adalah *link to the Menteri Kewangan* lah.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, kalau saya nak susuli alasan yang diberikan pertama tadi bahawa penamatkan itu mungkin tidak mengikut seperti kehendak Kementerian Kewangan. Dikatakan mungkin KPM melanggar, jadi ada kekangan dari segi untuk membatalkan mereka. Saya ada dua soalan *follow up on that matter*.

Pertama, dari segi adakah KPM boleh menyatakan dalam PAC ini bahawa KPM telah melaksanakan segala syarat, maka terlepas dari segala kesilapan yang boleh menyebabkan tindakan undang-undang. Adakah Tan Sri bersetuju?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, saya boleh kata sedemikian kerana setiap prosedur telah kita patuhi dan juga mendapat nasihat daripada penasihat undang-undang kementerian yang kadang-kadang untuk *verify*, merujuk juga kepada Jabatan Peguam Negara supaya tidak ada apa-apa kesilapan yang kemudiannya boleh membawa implikasi kepada kementerian. Jadi segala-galanya telah dipatuhi dan kami bukan sahaja mematuhi, kami telah memberi kelonggaran yang pada kami munasabah kepada pihak kontraktor *to make good* tetapi gagal.

Pegawai-pegawai saya turun padang, saya ingat tak tahu berapa belas kali, mereka ada rekod, *site meetings were conducted regularly, no less than 12 or 13 times*. Segala maklumat KPM susuli dengan memberi ruang dan peluang tetapi masih gagal.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dari segi pemahaman Tan Sri, apabila projek ini telah gagal, sudah pastinya syarikat tersebut secara logiknya boleh disenaraihitamkan.

Adakah KPM tidak berusaha untuk menyenaraihitamkan syarikat ini atau siapakah sebenarnya yang ada kuasa untuk menyenaraihitamkan syarikat ini daripada terus mendapat kontrak tersebut?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, saya suka perkataan tidak logik. Itu yang saya kata tidak logik bahawa syarikat yang telah membuktikan kegagalan ini seolah-olahnya diberi ruang yang begitu luas untuk dipertimbangkan di peringkat MoF. Arahan saya ketika itu kepada para pegawai ialah *my standard directive to officers. The moment syarikat dibuktikan gagal dan ada reason for termination, satu, kita kena alert all the relevant authorities bermaksud JKR, MoF, CIDB, kementerian tak boleh blacklist mereka. Only these authorities can. So, we wrote officially to flag this issue*, minta mereka...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Siapa yang ada kuasa untuk senarai hitamkan?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Kalau MoF, mereka boleh. Kalau CIDB pun boleh, JKR pun, *what I mean is they will put up on their website, so when other ministries do the search* untuk dapatkan perkhidmatan syarikat ini, mereka akan nampak situ ada *blacklist*. Jadi mereka tak akan – *bypass the company*...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Adakah Tan Sri tahu kenapa syarikat ini tidak disenaraihitamkan?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya tidak tahu.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Pandangan Tan Sri sendiri, adakah syarikat ini sepatutnya ketika itu di-*blacklist*-kan?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** *Blacklisting* ini – ya, saya kata ya dulu. Akan tetapi *blacklisting* ini ada severe repercussions on the company. So, sometimes MoF punya approach at that time is that, just because a company fails in one project, does not mean that we should close all the doors to the company. So, *blacklisting* is as an end resort. Kalau betul-betul dah tak boleh ini, baru mereka akan *blacklist*. So, there's no rush for them to immediately blacklist the company.

*So, they will take some time*, mungkin untuk lihat semula but this one year tempoh yang diambil untuk MoF respons kepada kementerian, *to me is really unacceptable*, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat baca, surat-surat yang saya hantar daripada 13 Mac 2015 dan seterusnya, cukup lengkap untuk – seolah-olah macam, ya lah bukan kita nak mengajar MoF ketika itu tetapi kita dalam keadaan yang sangat-sangat terdesak.

*And we know that – and we couldn't understand,* tak logik kenapa bila mereka menjawab, mereka kata suruh lantik semula syarikat yang telah gagal dan kita tamatkan untuk menyiapkan Fasa 1. *It's illogical and unacceptable to me at that time as the KSU.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, *last* bagi saya sedikit nak tamatkan. Maksudnya tadi, saya cuba memahami alasan yang diberikan oleh KPM menyebabkan berlaku *delay* yang begitu lama dan Tan Sri menyebut bahawa ada dua kemungkinan yang dimaklumkan oleh pihak secara *hearsay* ataupun maklumat tidak rasmi. Pertama tadi dalam soal masalah dari segi undang-undang, masalah yang digambarkan kekhawatiran sedangkan menurut penjelasan Tan Sri tadi, agak jelas.

Kedua, Tan Sri kata kemungkinan berlakunya campur tangan ataupun kuasa yang lebih besar yang mungkin...

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** ...Yang dimaklumkan kepada saya oleh pegawai MoF.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi yang ini bagi saya KPM membersihkan daripada sebarang campur tangan di peringkat mereka tetapi digambarkan bahawa ada campur tangan dari peringkat Kementerian Kewangan.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi soalan saya, maksudnya sebab di permulaan Yang Berbahagia Tan Sri tadi sebut bahawa, *you were aware with this process, you were well-versed within this period, June 2013 until September 2016. Hence, when you were becoming the Ketua Audit Negara, you purposely minta ini disiasat atau macam mana?*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Macam ini, *my officers*, Tuan Haji Khalid ada di belakang. Di antara tajuk-tajuk audit, mereka akan buat – mereka ada *annual plan, audit plan*. So, masuk tajuk sekolah, *which is totally understandable because this is one of the projek sakit. And they came to see me, "Tan Sri, kami nak cadang nak audit tapi masa itu Tan Sri KSU." I kata, "Please go and audit, so that we can have this out in the open."*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, *last, what do you wish to see from the audit report* ataupun apa harapan Tan Sri sebab Tan Sri dah tahu projek ini bermasalah. *At least you know you were involved* sebagai KSU ketika itu menjalankan tanggungjawab. Jadi apabila projek ini diaudit, apakah hasrat Tan Sri sebenarnya nak lihat dan *if you have a chance, I mean this is a platform, you said that you were handling this matter.* Tiga tahun tertangguh hasil dolak-dalik antara Kementerian Kewangan dan juga KPM. Jadi *from this Laporan Ketua Audit ini, what do you find or what do you feel about it?*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Pertama Yang Berhormat, saya hendak Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia *moving forward without fear or favour. Do the right thing and I am sure he's doing the right thing, despite the challenges that he will face.* Ketika itu, Kementerian Kewangan, saya tak boleh nak komen sekarang. Ketika itu Kementerian Kewangan dalam konteks KPM, banyak kali syarikat-syarikat yang kami kemukakan untuk tender terhad, tidak diendahkan dan syarikat-syarikat tak tahu dari mana akan dikemukakan kepada KPM untuk dilantik secara tender terhad. Kami nampak ketika itu, satu campur tangan yang amat-amat besar daripada MoF.

■1150

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Campur tangan politik?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya tidak berani hendak cakap campur – kerana surat ini adalah daripada pegawai, bukan daripada *political masters*. Daripada pegawai MOF. Bila saya tanya, “*What happened to the lists of tender syarikat yang kami ini?*” Dia kata, “*No, kita ada perbincangan dalaman dan kita tidak setuju*”. Kalau tidak setuju tidak apa, *please come back to KPM, suruhlah kami cadang syarikat-syarikat yang lain.* Tidak. Dia akan keluarkan syarikat dan *I would say more than 80 percent of the time, it is their syarikat, lists of syarikat.*

So, pada saya, ini adalah satu campur tangan dalam urusan kementerian yang tidak wajar. So, satu, KSU... [Ketawa] Pada saya, sebagai mantan Ketua Audit Negara, kalau perkara-perkara begini berlaku lagi, *this must be raised at the highest level because MOF punya remits, you just consider what has been submitted by the ministry because you do your due diligence at your end because you too have to semak all the companies, that is what they do. If you find this companies are fitted to go into tender terhad, then you should allow it. Why do you ignore the list and then you hantar pula your own list? And it happened all the time and we have no explanation.*

Kedua, tender terhad, *as I mentioned*, ada dia punya advantages tetapi *with strict adherences to the procedures*. Ketiga, saya harap tidak ada lagilah kes-kes campur tangan daripada agensi-agensi pusat kerana agensi-agensi pusat, dia ada dia punya *own remits* dan dia tidak sepatutnya campur tangan dalam *the actual operational decision making*. *That is what they did in this case.*

**Tuan Wong Hon Wai:** Tan Sri, soalan saya, tadi Tan Sri telah memberikan keterangan bahawa ada *political linkage* tentang...

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya dimaklumkan.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, dimaklumkan ada *political linkage*, ada surat rayu-merayu dengan MOF. Saya berpandangan bahawa ini adalah satu *undue interference*, pengaruh yang tidak berpatutan daripada MOF. Ini kerana kita ada Lembaga Perolehan KPM yang sepatutnya

boleh melaksanakan tugas dan fungsinya secara profesional. Lembaga Perolehan ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kita dan sepatutnya boleh menjalankan tugas mereka, tetapi dengan pelbagai pengaruh daripada satu entiti yang di luar daripada KPM.

Sebagai bekas KSU, hari ini kita bukan sahaja dengar masalah-masalah ini, kita juga ingin membuat cadangan bagaimana supaya perkara-perkara sedemikian bukan sahaja yang pernah berlaku di KPM, kita harap ia tidak akan berulang di kementerian-kementerian lain. Apakah cadangan Tan Sri supaya urus tadbir baik untuk memperkasakan Lembaga Perolehan kita supaya pengaruh-pengaruh tidak berpatutan daripada entiti lain, daripada politik ini boleh dikurangkan, boleh dihapuskan? Apakah penambahbaikan dari segi prosedur, dari segi undang-undang, urus tadbir dan sebagainya? Silakan berikan ulasannya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Izinkan saya Yang Berhormat, sedikit ya. Saya hendak asingkan antara kuasa dan juga tanggungjawab Lembaga Perolehan kementerian dan bergerak sedikit sebelum itu. Sebelum melibatkan Lembaga Perolehan pun, kita kena dapat kelulusan, sebagaimana KSU cakap tadi, *first and foremost* daripada MoF untuk *the list of tenderers. That is the critical juncture* di mana campur tangan tidak seharusnya berlaku. Kalaupun berlaku, kenapa *you resubmit a whole list of new syarikat? You have to explain.*

*You* hendak bantu kementerian kah? Fasal *you* sudah *go through the 10* that kementerian bagi dan *you* nampak mungkin kementerian tidak ada maklumat itu, rupanya ada maklumat terkini syarikat-syarikat ini terlibat dalam projek-projek lewat, ada yang telah *blacklisted* yang kementerian tidak tahu, *then you alert* kementerian. *Then, because you have a list of all those syarikat yang hebat dan berwibawa, you would like to propose to us. You explain to KPM why.*

*You do not unilaterally dispose of list* syarikat itu, lepas itu *you* bagi pula syarikat *you*. *When we ask why, you have no – you* kata “*Ini decision at the top, you just take it.*” *Then when we go through the syarikat, we also find a lot of faults with* syarikat itu dari segi projek lewat, projek yang tidak siap tetapi mereka paksa juga kita terima dan buat tender terhad di kalangan syarikat itu.

*So, to me, number one, fundamentally, if* kementerian – at that time when I was KSU, dalam KSUs' meeting, kita discussed between the KSUs, we told KSN. It is not only KPM yang menghadapi isu begitu. Kementerian lain pun dipaksa menerima senarai syarikat-syarikat yang tidak tahu dari mana. So, number one, if you do not agree with the proposed list of ten syarikat, you have to explain why, what have you found about them. Then, if you want to help the ministry because you have all the latest info and data, you have to comment on every syarikat that you reproposed. Itu satu.

Apabila KSU terima dan KSU bersetuju, *if KSU tidak setuju kerana sebab-sebab tertentu, you must not then say, "Keputusan sebelum ini adalah muktamad." That is what they do to us.* So, kalau KSU, KSU takkan terima bulat-bulat. Kalau KSU terima *list* syarikat baharu, dia akan *do due diligence. He must do the due diligence. If he is satisfied, then only the tender terhad will be launched. If he is not satisfied, he must be given the options of going back to MoF and say, "Look, we have discovered among these companies, there are companies that belong to..."* – because Yang Berhormat, semasa saya KSU saya kata saya tidak hendak tengok syarikat ini nama dia *blacklist*.

Saya hendak tengok siapa *director* dia, siapa di belakang syarikat ini, *cross check* dengan SSM *because, you will know* syarikat yang sudah ditutup, dibuka semula dengan nama yang lain tetapi dengan *the same directors. We have managed to pre-empt many projects from falling into the hands of such syarikat.* So, saya hendak cadang begitu.

*When it comes to Lembaga Perolehan, when everything has been cleaned, maknanya semua above... Then the usual, hendak buka tender, hendak tutup tender dan sebagainya. So, the crux of the issue is, of course, the Lembaga Perolehan as KSU has explained, representative from all, MOF, JKR semua. The governances, the integrity of the people on the lembaga and the chair. During my time, I never chaired lembaga tender untuk pemakanan, untuk kawalan keselamatan, that was RM3 billion a year tender because I believe that TKSU ada limits of authority yang memadai. KSU should be thinking of the national education punya policies, issues and challenges. KSU need not chair. The TKSU can chair and that is what I did. I don't know about KSU now.*

**Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas:** Same.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Same? Because I advised him, "Please". We need to focus, we need to talk about the big picture. The things on the ground, let the TKSU. So, the TKSU must be – if I may, I warned my TKSU last time that I will take tindakan tatatertib because governance and integrity flew out the window at that time. I would not going into that. So, TKSU must be full of integrity. All the members and ini, then, I think Lembaga Perolehan will do just fine but that beginning itu yang from the top.

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Telah menjadi amalan kepada setiap kementerian, apabila projek-projek yang terbengkalai, kontraktor yang asal itu tidak akan dipertimbangkan. Betul ya?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Sepatutnya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tidak akan dipertimbangkan ya. Kalaupun – kerana apa, apabila projek terbengkalai, kita kena pertimbangkan kontraktor penyelamat sahaja yang disenaraikan, sama ada oleh kementerian ataupun daripada Kementerian Kewangan. Betul? Ini kerana...

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, izinkan. Dia ada dua istilah, kontraktor penyelamat dengan kontraktor penyiap. Kalau lebih daripada berapa peratus *delay* – Encik Noor Azman?

**Encik Noor Azman bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan) Kementerian Pendidikan Malaysia]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1200

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Kalau *delay* nya *more than 30 percent* kontraktor penyiap, kalau *it's about 15 percent*, kita boleh lantik kontraktor penyelamat. So, ada dua istilah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Hendak penyelamat kah, hendak siapkan kah, ia ada elemen penambahan kos, betul?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Betul.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kenapa sekarang kalau elemen penambahan kos, bukan sahaja kita kena melantik kontraktor asal tetapi kita kena tambah kos daripada kewangan daripada kementerian. Kenapa kita terima?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Dalam kes ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Dalam kes ini kah Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Kes yang ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Kita kena tanya MoF. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Sepatutnya sekarang bagi pihak kementerian, bukan sahaja kita terima bahkan kita kena buat bantahan dan melaporkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri. Ini kerana bukan sahaja ada elemen penambahan tetapi pelantikan kontraktor yang telah terbukti gagal.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, Yang Berhormat saya sudah buat surat. Berapa surat saya sudah hantar dengan risiko-risikonya sekiranya kita lantik kontraktor yang sama. Risiko yang besar, projek tidak akan siap, risiko penambahan kos dan bebanan kewangan terhadap kontraktor yang sama. Saya sudah *flag* dan sudah *highlight* tetapi tidak diendahkan

kerana syarikat ini dimiliki oleh seseorang yang ada hubungan dengan Menteri Kewangan. Saya dimaklumkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tadi Yang Berbahagia Tan Sri ada sebut tentang mungkin ada campur tangan daripada *political masters*. Akan tetapi *in this case now, you are telling just now, it was only the letter sent by the officers. By right, as a KSU, there is no limit, you don't have the limit to go beyond. You still have the access to your Minister and the Minister maybe able to do wonders, you see? In this case Deputy Prime Minister.*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** *I had informed him, he was much frustrated with this project and I am sure he did speak, I am sure he raised it.* Kita sebagai KSU, kita sentiasa *keep our Ministers updated and abreast with all these critical – because he was getting pressure also from MB Perlis, when he come to see tanya, “Bila Sekolah Sukan ini hendak siap...” You know, one of the critical...*

**Tuan Pengerusi:** Siapa Menteri Besar Perlis waktu ketika itu Tan Sri?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Masa itu Yang Berhormat Dato' Seri Azlan Man.

**Tuan Pengerusi:** Azlan Man?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, *the current one...*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** ...*And saya ingat one of the rules is also that kita mesti beri peluang kepada kontraktor-kontraktor daripada kalau Sabah, Sabah, kalau Sarawak, Sarawak, kalau utara, zon utara. Tidak apalah kalau Perlis itu, Kedah pun boleh tetapi janganlah daripada Selangor, daripada Pahang dan similarly for East Coast dan sebagainya. This contractor is not from – tidak silap saya, utara. Ya, betul Tuan Haji Khalid?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Daripada utara? *I don't know.* Bukan utara kah?

**Tuan Pengerusi:** Betullah kan, daripada Kedah.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ir. Zarif? Sorry, *I still remember,* mana Ir. Zarif? *Do you remember?* Ada Yang Berhormat Menteri tetapi itu sebelum sayalah, minta supaya kontraktor di kalangan yang dari Perlis dan Kedahlah. So, okeylah *if he is.*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *to be fair* kepada kementerian juga sebab ada Mesyuarat Lembaga Perolehan KPM Bilangan 13 Tahun 2012. Ada komen daripada kementerian menyatakan bahawa Syarikat Pantas tidak memiliki pengalaman kerja sebanding dengan projek berdasarkan lima tahun pengalaman projek itu. Maknanya ada nota.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** *With flag, that was flagged to MoF as well.*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Akan tetapi MoF ada dalam mesyuarat tersebut kan?

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ada wakil MoF dalam...

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Wakil MoF itu *is not the decision maker. The decision maker is in the HQ, the MoF proper. So, apa-apa pun dia kata, "Kami akan rujuk, we have to go back to..." Because this was, the decision is by the Menteri Kewangan. If you see at the end of the day, the decision is by Menteri Kewangan.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada lagi soalan? Yang Berhormat Betong?

**Datuk Robert Lawson Chuat:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada soalan. Yang Berhormat Kluang?

**Puan Wong Shu Qi:** Okey, saya tanya ya. Tan Sri tetapi mungkin soalan ini tentang apa yang berlaku sebelum Tan Sri jadi KSU. Kalau pegawai lain boleh jawab, minta tolong. Iaitu tadi Tan Sri menyatakan bahawa ada interaksi di antara KPM dan MoF khasnya tentang alasan menolak senarai kontraktor yang disediakan oleh KPM untuk tender terhad. Jadi boleh saya tahu sama ada rekod ini direkodkan dalam *black and white*, dalam surat secara dokumenlah yang KPM minta MoF menjelaskan alasan menolak dan alasan untuk sediakan satu senarai baharu kontraktor itu.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Terima kasih. Yang Berhormat, kita cuma merayuhlah, buat rayuan kepada MoF untuk beri peluang kepada 10 kontraktor. Mungkin saya hendak undur sedikit untuk buat pemahaman...

**Tuan Pengerusi:** Maaf puan, boleh tidak sebutkan nama untuk tujuan rekod Hansard.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Okey, nama saya Annie @ Sabrina. Saya Ketua Penolong Setiausaha Kanan Pembangunan. Saya *join* Pembangunan pada Disember 2016. So, apa yang berlaku ini saya baca rekod sahaja. So, *based on record*, saya berkongsilah. Kalau pada awal-awalnya, untuk projek ini memang telah diputuskan tender terbuka. Akan tetapi pada 29 April 2011, surat KSU kepada – KSU KPM inilah kepada KSP telah memohon untuk pelaksanaan tender secara terhad dalam kalangan 10 kontraktor. Pada 17 Jun 2011, MoF telah memaklumkan bahawa tender terhad ditolak dan pembinaan SSM Perlis hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka dalam kalangan bumiputera tempatan di negeri Perlis.

Seterusnya pada 25 Oktober 2011, Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah menulis surat rayuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon supaya pelaksanaan projek secara tender terhad dalam senarai kalangan 10 kontraktor. Bagaimanapun pada 24 Februari 2012, MoF telah meluluskan permohonan Syarikat Bumi Jelapang. So, dia sudah kalau 24 Februari itu, saya bacalah dia punya surat ya. Dia kata, surat ini ditandatangani oleh Dato'

Fauziah Yaacob, Bahagian Perolehan Kerajaan dan ditujukan kepada KSU pada ketika itu, Dato' Dr. Rosli bertarikh 24 Februari.

Dalam surat ini dia kata, "*Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia...*". Rujukan dia bagi bertarikh 25 Oktober 2011 dan surat Syarikat Bumi Jelapang Corporation Sdn Bhd, rujukan bertarikh 27 Januari 2012 mengenai perkara di atas.

Maknanya, tajuknya adalah "*Projek Pembinaan Bangunan Baru dan Kemudahan Lain Sekolah Sukan Malaysia Perlis.*" Ini para dualah surat MoF. Dia kata, "*Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju memutuskan seperti berikut. Pertama, diluluskan permohonan Syarikat Bumi Jelapang Construction Sdn Bhd untuk melaksanakan projek pembinaan bangunan baru dan kemudahan lain Sekolah Sukan Malaysia Perlis secara tender terhad di kalangan tujuh syarikat*". Dia bagilah senarai itu. Keduanya...

■1210

**Tuan Pengerusi:** Surat itu nanti minta supaya diberikan kepada Sekretariat.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Ya. Oh, yang surat inilah?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** So, surat yang kedua itu dia kata "*Permohonan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan projek di atas secara tender terhad dalam kalangan 10 buah syarikat dicadangkan tidak diluluskan.*" Dia ada tulislah. Ada yang ketigalah. Ketiga, "*Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah memastikan kesemua syarikat sentiasa berdaftar dengan PKK dan CIDB di bawah kelas yang berkaitan semasa pelawaan tender dan sepanjang pelaksanaan projek.*" Itu adalah standard.

**Puan Wong Shu Qi:** Minta maaf Tuan Pengerusi. Boleh saya tahu sama ada dalam surat ini MoF melampirkan surat yang dirujuk dalam kandungan itu iaitu surat oleh Syarikat Bumi Jelapang dan sebagainya?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Oh, tidak ada. Kita dapat ini, dia tidak beri lampiran. Cuma menyenaraikan nama-nama syarikat. Jadual satu ini, dia letak dalam surat teruslah. Surat Bumi Jelapang itu tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tidak apa sebab kita pun akan ada prosiding bersama MoF petang ini. Jadinya segala persoalan yang berkaitan dengan MoF, Ahli Jawatankuasa PAC bolehlah nanti bertanya dengan MoF terus. Jadinya, sehubungan dengan itu, tidak ada apa-apa soalan daripada... [Disampuk] Okey.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Sekadar untuk rekod. Saya masih teliti kronologi tadi. Apabila selepas selesai lantikan kontraktor buat kali kedua, untuk dapat

pengesahan daripada kementerian bahawa notis penamatan telah dikeluarkan iaitu even sebelum pilihan raya lagi. Jadi maksudnya, boleh saya anggap bahawa Kementerian Pendidikan memang bersungguh-sungguh hendak memastikan projek ini siap dan tidak mengambil pertimbangan politik ketika itu, malah membuat keputusan untuk membatalkan atau memberi notis penamatan itu pada April 2019. Jadi, kalau boleh dapat sedikit ulasan untuk membantu Kementerian Pendidikan itu sendiri. Sorry, Mac 2019.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Terima kasih Yang Berhormat ya. Untuk projek yang kedua ini, saya terlibat secara langsung. So, saya hendak cerita sedikit di awal. Bila kita sudah keluarkan SST dan kita sudah beri tarikh milik tapak pada 1 Februari 2018, so selepas dua bulan *by right*, sepatutnya kontraktor sudah serahkan dia punya program kerja. Akan tetapi selepas dua bulan, pihak kontraktor masih gagal mengemukakan program kerja untuk kita semak dan luluskan.

Oleh sebab itulah, pada seawal 6 April 2018, saya sendiri telah keluarkan surat peringatan kepada kontraktor kerana banyak kerja *prelim* dia tidak buat lagi. So, *based on* berdasarkan laporan perunding, saya keluarkan surat peringatan untuk minta kontraktor tingkatkan kerja dan kemukakan apa-apa dokumen yang sepatutnya memerlukan kelulusan KPM.

Oleh sebab itu pada 25 April kita pun sudah panggil mesyuarat terus untuk mesyuarat pemantauan di KPM. Oleh kerana pihak kontraktor ini, kita nampaklah ketidakupayaan kontraktor sejak awal lagi pelaksanaan projek. Kita panggil, so macam-macam dia punya janji. Janji dia kata, “Okay, *by early next month...*” masa kita panggil itu 25 April 2018 dia kata, “*Early next month kita akan tambah kita punya machinery. Kita akan tambah pekerja*”, sehingga SUB sebagai SO, Setiausaha Bahagian ini sebagai SO sendiri turun padang, pun masa itu kontraktor pun masih lagi buat janji-janji. Janji-janji itu tidak dipenuhi dan sehingga itulah untuk makluman, program kerja dia ini, kita panggil CPM, sehingga 11 kali dikemukakan baru dapat kelulusan. Itu pun kita panggil di KPM di mana SO sendiri *chair meeting*, kita tengok satu-satu, sehingga 30 Jun itu baru diluluskan, 30 Julai.

Oleh kerana kegagalan pihak kontraktor itu menyediakan dan mengemukakan CPM yang betul, yang mana *everytime* dia kemukakan, kita sebenarnya sudah beri pembetulan. Kita kata “*You, base line itu jangan ubah. Yang you ubah, sekian-sekian*”. Akan tetapi *everytime* itu berubah. So *based on* tempoh penyiapan dua tahun dan *percentage* kita buat secara pro rata. Maknanya oleh sebab kita tidak ada *reference* untuk hendak buat dia punya *percentage based on* apa, kita beri secara pro rata *about four percent a month* dia punya kelewatan. So kita plotkan, kita keluarkan dia notis amaran, kemungkinan yang pertama pada 25 Jun. Maknanya kita di KPM menunjukkan di KPM kita tidak tertakluk kepada mana-mana *political* punya *influence*. Kita lebih

kepada, kita adalah penjawat awam yang melaksanakan kerja kita secara integriti dan mengikut tatacara pengurusan projek semasa. *[Disampuk]*

So, itu adalah saya punya inilah dan apabila kita mendapati bahawa kontraktor *continuously failed* untuk *execute* dia punya tugas sebagai kontraktor, dan dia pun di hadapan audit sendiri sebenarnya dia sudah bentang pada 2 Ogos 2018 dia kata “*This is our recovery plan*”. Pihak Audit Negara pun geleng-geleng kepala macam tidak *unrealistic*. So, kita *still* beri dia peluang kononnya untuk dapat dilaksanakan sebagai mana janji dia sendiri, bukan kita tetapkan, dia janji. Akan tetapi tidak berupaya juga untuk melaksanakan janji kontraktor. Akhirnya pada 20 September kita keluarkan notis amaran kemungkiran yang kedua. Pada ketika itu pun ikut jadual, mengikut *recovery plan* dia, dia kata jadual *15 percent* tetapi *actual* di tapak cuma *1.22 percent*, masa itu. Pada ketika ini, projek ini telah pun masuk dalam mesyuarat CCP, dibincangkan dalam CCP yang mana dipengerusikan oleh KSU sendiri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** ...Projek itu sekarang?

**Seorang Ahli:** Projek sekarang kita sudah tamat?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Ya. Kita sudah tamatkan. Kita sudah keluarkan...

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Ya. Sekarang ini kita proses *retender* sebagai mana yang di...

**Tuan Pengerusi:** Tender belum keluar lagi?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Okey. Untuk makluman, kita sudah iklankan pun. Kita iklankan dalam kita punya, ada kita panggil GP's inilah secara *online* dan kita pun iklankan dalam *website* kita.

**Tuan Pengerusi:** Dengan apa-apa perubahan pada projek yang sedia ada? Adakah penurunan *certain specification*, tidak payah buat kah atau apakah?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Okey. Untuk makluman ya, projek ini daripada segi *specification*, kita masih sama, cumanya perbaiki apa-apa yang kalau – sebab dia sudah lama. So, kita akan ada yang perlu diperbaiki. Cumanya saya hendak maklumkan bahawa projek ini telah dibentangkan dalam JKTN yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN sendiri. So, pada 1 Ogos 2019, telah diputuskan bahawa projek ini akan ada *certain* kriteria yang perlu dikenakan terhadap kontraktorlah. Maknanya untuk memastikan projek ini akan berjaya dan tidak akan *fail* lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah berapa? Lapan tahun ... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Ya. So, kita...

■1220

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Berapa anggaran *cost escalation*?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Untuk ini? [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Kita sebut semula.

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Lebih kurang 34.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Oh, pertambahan kos? Okey, dari segi pertambahan kos, ia sebenarnya daripada mula itu, kita sudah buat NOC dua kali. So...

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** Okey, NOC maknanya *notice of change*. Maknanya apabila peruntukan sebelum itu tidak lagi mencukupi, kita kena memohon kepada MEA, EPU dahulunya, untuk membuat tambahan kos. Maknanya, apabila kita ada cukup peruntukan, barulah kita boleh buka untuk tender. Kalau tidak cukup peruntukan, kita takkan buka tenderlah. Terima kasih kepada MEA sudah luluskan. Itulah, saya kata, kita sudah tender, kita sudah iklankan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih kepada kementerian mana?

**Puan Annie @ Sabrina Lasumin:** MEA atau *Ministry of Economic Affairs*.

**Tuan Pengerusi:** *Economic?* Oh, ia bukan MoF yang keluarkan?

**Beberapa Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** *Oh, the cost.* Okey, okey, faham.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Tuan Pengerusi, can I say something?

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya, Tan Sri.

**Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad:** Sebagai bekas KSU dan bekas Ketua Audit Negara, dan sekarang rakyat jelata, saya amat kecewa dan saya hendak lihat apa yang boleh dilakukan terhadap ketirisan dan kerugian, bukan sahaja kerugian dari segi kewangan yang telah dialami oleh negara tetapi *the opportunity lost for our students, for the future of the students and the athletes of this country*. So, something must be done seriously, recommended by PAC, to bring certain people to book, if necessary. Because, I know, there are some officers in MoF, who are still there, who wrote and responded to my letter. They will know what happened if they want to share with you. If they don't, then susahlah. Thank you.

**Tuan Pengerusi:** Puan Sharina, Puan duduk dalam *tender board* waktu ketika itu?

**Puan Sharina binti Shaharum [Mantan Penolong Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Tidak, Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya adalah – *function* saya dalam

perolehan tersebut kali pertama adalah salah seorang ahli jawatankuasa yang dilantik dalam peringkat penilaian tender.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, tidak ada komen apa-apa mengenai perkara ini?

**Puan Sharina binti Shaharum:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Puan Noor Idayu?

**Puan Noor Idayu binti Mohd Surol [Mantan Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan, Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Sama dengan saya juga. Dilantik oleh— pelantikan jawatankuasa untuk menilai tender tersebut yang disediakan oleh pihak perunding.

**Tuan Pengerusi:** Encik Khairul?

**Encik Khairul Anwar bin Dahalan [Mantan Penolong Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Saya selaku urus setia tender yang menguruskan perjalanan proses perolehan pada ketika itulah.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, apa arahan, Encik Khairul lah yang buat dengan Cik siapa?

**Puan Mazlina binti Ahmad Salleh:** Mazlina.

**Tuan Pengerusi:** Mazlina ya?

**Puan Mazlina binti Ahmad Salleh:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, sebelum itu, saya Mazlina binti Ahmad Salleh. *Previously as Ketua Penolong Setiausaha Unit Projek Khas pada ketika itulah. So, basically, Unit Projek Khas pada ketika itu berfungsi untuk menguruskan semua permohonan tender terhadalah, especially. So, mana-mana permohonan tender terhad yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada ketika itu, kita akan angkat ke MoF. So, fungsi kami adalah menguruskan permohonan tersebut and then mengangkat ke MoF.* Apabila sudah dapat, kita uruskan untuk proses tender sehingga ke Lembaga Perolehan sebelum diserahkan semula kepada pengurus projek.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih banyak saya ucapan kepada KSU, Tan Sri Madinah dan semua yang hadir di hadapan PAC pada pagi ini. Kalau sekiranya ada apa-apa lagi keperluan, kita akan panggil semula tetapi harapnya tidak adalah. *[Ketawa]* Okey, terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Untuk Ahli-ahli PAC, petang ini kita ada Tan Sri Irwan dan Dato' Fauziah yang akan hadir bersama.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.24 tengah hari]**